



sehati sejiwa
MEMERANGI RASUAH

SEHATI SEJIWA
MEMERANGI RASUAH

SPRM | 2017

Sidang Redaksi

Penaung

Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad

Penasihat

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

Ketua Pengarang

Dato' Hj. Abdul Samat bin Kasah

Pengarang

Mohamad Zaki bin Ibrahim

Mohamad Tarmize Abdul Manaf

Norizan binti Abu Samah

Jayantha Kumar Sen Gupta

Nur Irwan bin Abd Rahman

Rosman bin Abu Bakar

Hani Dhania binti Samion

Faarzana binti Mohd Fauzi

© HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA @ 2017

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin bertulis daripada Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Edisi Pertama : November 2017

ISBN 978-967-5459-17-7

Terbitan

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Tel : 603 8870 0000

Faks : 603 8870 0901

E-mel : info@sprm.gov.my

SMS : 019-6000 696

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7

62250 Putrajaya

Malaysia





KANDUNGAN

Sekapur Sirih

- 
- The background image shows the Petronas Twin Towers, two of the tallest buildings in the world, located in Kuala Lumpur, Malaysia. They are known for their unique curved, spiral design and are a major landmark.
- | | | |
|----------|--|----|
| 1 | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 1 |
| 2 | Digeruni Perasuah | 17 |
| 3 | Mesra Rakyat | 27 |
| 4 | Keupayaan dan Profesionalisme | 45 |
| 5 | Di Mata Dunia | 55 |
| 6 | Era GERAH | 67 |

Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah

Sekapur Sirih

Tahun 2017 merupakan tahun Jubli Emas apabila badan pencegah rasuah sebelum ini, Badan Pencegah Rasuah (BPR), dan kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menyambut ulang tahun penubuhan BPR/SPRM yang ke-50 pada 1 Oktober 2017. Detik bersejarah ini telah diraikan dengan penuh kemegahan, gilang gemilang dan tercatat dalam sejarah apabila SPPM berpindah ke kompleks pejabat baharu dan secara tidak langsung menjadikannya tempat kediaman tersendiri. Penghijrahan ini ditambah pula dengan suntikan semangat baharu '**Mesra Rakyat, Digeruni Perasuah**' yang menjadi nadi baharu dalam menangani gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Bersempena dengan sambutan Jubli Emas BPR/SPRM, tema **Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah** dijadikan teras kepada usaha-usaha SPRM memerangi rasuah. Sejajar dengan usaha baru melalui gagasan **Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH)**, pelbagai program dengan pendekatan 'touch-based' untuk mendekati masyarakat agar turut sama memerangi rasuah, SPRM inginkan perjalanan baru ini bukan sahaja turut dirasai tetapi dikecapi bersama bagi menghapuskan petualang negara yang rakus dengan rasuah. Malahan SPRM bersedia menjadi aparatus rakyat untuk menjayakan agenda ini.

Bersetujuan dengan kematangan 50 tahun BPR/SPRM, pendekatan baharu melalui kempen **GERAH** dengan *tagline 3J (Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle)*, program **Sahabat GERAH** dan inisiatif **Ziarah Kasih**, adalah

khusus untuk mendekati masyarakat Malaysia. Mesej Anti Rasuah yang dipaparkan di pengangkutan awam dan di tempat awam dijadikan daya tarikan perhatian masyarakat umum untuk bersama SPRM ke arah Menolak, Membenci dan Memerangi Rasuah.

Bagi mengukuhkan usaha seumpama ini, pemaparan dan penyebaran mesej anti rasuah turut dibuat melalui pementasan **Teater Bahara Emas** dan drama bersiri **Banteras**. Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas, **Kembara Jelajah Anti Rasuah (KEJAR)** bermotosikal telah dilangsungkan melibatkan seramai 40 'Graftbuster Riders MY' terdiri daripada pegawai-pegawai SPRM yang telah menjelajah sejauh 2,700km di sekitar Semenanjung Malaysia selama dua minggu.

Bah kata pepatah, '*a picture paints a thousand words*', buku ini memaparkan hasil usaha BPR/SPRM secara bergambar yang merakamkan detik Sejarah Perjuangan SPRM, Satu Perjalanan. Secara tidak langsung, penceritaan bergambar ini membuktikan tanda kejayaan dan kematangan BPR/SPRM dalam melangkah ke tahun-tahun mendatang serta dijadikan salah satu sumber rujukan sejarah SPRM.

Mari kita **Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah** mempertahankan martabat dan maruah negara tersayang ini daripada ancaman gejala rasuah demi menjaga keamanan, kemakmuran dan masa hadapan NegaraKu tercinta sebagai salah satu nadi pembentukan generasi TN50.

Ketua Pengarang
Dato' Hj. Abdul Samat bin Kasah

WARKAH TERBUKA BUAT RAKYAT MALAYSIA



JURUHAN JAYA PENCEGAHAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Buat para ayahanda dan bonda, ketua dan pendidik keluarga...

Anak-anak adalah mutiara yang diamanahkan oleh Tuhan kepada kita. Jangan racuni mereka dengan kegilaan terhadap harta dan kuasa, semata-mata untuk memenuhi hidup yang bersifat sementara. Jangan khianati mereka dengan suapan rezeki hasil kerakusan harta.

Buat guru-guru, insan pendidik...

Didiklah anak bangsa kita. Semarakkan ke dalam jiwa-jiwa mereka kebencian terhadap kebobrokan rasuah dan salah guna kuasa. Biar mereka jauh dari kemabukan harta dan ketamakan dunia.

Buat anak muda harapan nusa dan bangsa...

Ayuhlah anak muda! Sambut cabaran perjuangan yang telah dilontarkan dan dihamparkan. Majulah kehadapan saf! Kita gempur dan perangi bersama, kemungkaran rasuah dan salah guna kuasa.

Buat para kakitangan awam dan anggota penguatkuasa undang-undang...

Sedarlah bahawa khazanah dan harta negara itu adalah hak rakyat dan bukan milik peribadi. Hentikanlah meragut hasil dunia ni dan lunaskanlah khidmat serta janji. Lewat ini semakin banyak anak-anak mata yang memerhati. Hati-hati!

Buat Yang Berhormat ahli politik dan pemimpin masyarakat...

Jangan kamu khianati amanah rakyat. Segala janji yang ditaburkan, harus dijelmakan menjadi lebih dari sekadar harapan. Hentikanlah membuat para marhaen dengan ciptaan dan dongengan yang mengaburi kebenaran, sedang jari jemarimu terus rakus meragut habuan. Laksanakanlah 5 amanah yang dituntut dan perjuangkanlah nasib rakyat.

Buat para Hakim yang arif lagi bijaksana...

Adililah hukum dengan iman dan keberanian. Hukumlah mereka yang masih tegar dan hanyut melakukan rasuah dan salah guna kuasa. Agar meremang kecut dan ketakutan si perasuh dan pemabuk kuasa.

Buat seluruh rakyat Malaysia yang dikasihi...

Bangkitlah dari lena mu wahai rakyat negara! Jangan biarkan tanah air ini tersungkur dalam kehancuran. Ayuh kita perangi kemungkaran rasuah dan salah guna kuasa habis-habisan. Biar rapuh dan hancur segala kepalsuan, yang memayungi segala kebatilan dan ketidakadilan.

Buat saudara seperjuangan ku warga SPRM yang dikasihi dan dicintai...

Kita harus kekal dalam iltizam untuk meneruskan usaha ke arah memerangi kebejatan rasuah dan salah guna kuasa. Berjuanglah atas nama kebenaran, jujurlah dalam segala tindakan dan bertanggungjawab atas segala perbuatan. Berkhidmat tanpa mengharap sebarang pujian dan balasan. Berjuanglah tanpa rasa resah dan gementar, biar panji-panji kita mekar dalam sejarah, terus megah dan berkibar.

Buat mereka yang masih mabuk dan lemas dalam suapan...

Dengarkanlah laungan amaran ini. Hentikanlah segala pengkhianatan yang berumbikan rasuah dan salah guna kuasa!

Awaslah! Api perjuangan ini semakin hangat membara. Gendang tempurnya semakin lantang bergema, gegak gempita menggegar angkasa. Biarku gugur melayang nyawa mempertahankan nusa, pastiku rempuh si durjana pengkhianat bangsa!

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.


1

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

SPRM merupakan agensi penguatkuasa undang-undang yang dipertanggungjawabkan untuk menangani gejala rasuah menerusi penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan masyarakat demi mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.



Evolusi SPRM



Gabungan beberapa unit kecil iaitu Unit Pencegah Rasuah (Jabatan Perdana Menteri), Unit Jenayah Khas (Polis DiRaja Malaysia) dan Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, telah melahirkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 1 Oktober 1967.

Pada 29 Ogos 1973, BPR bertukar nama kepada Biro Siasatan Negara (BSN) dengan mandat untuk menyiasat kes berkaitan kepentingan negara, disamping kes rasuah. Perubahan sekali lagi berlaku apabila Akta Badan Pencegah Rasuah diluluskan oleh Parlimen pada 13 Mei 1982, yang meletakkan semula tugas pencegahan rasuah kepada BPR sekaligus menggantikan BSN sebagai entiti tunggal yang dipertanggungjawabkan untuk mencegah jenayah rasuah.

Pada tahun 2008, Parlimen telah bersetuju untuk pembentukan sebuah suruhanjaya bebas selaras dengan hasrat masyarakat yang inginkan entiti pencegahan rasuah yang Bebas, Telus dan Profesional.

Begitulah lahirnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Januari 2009 melalui Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009).



Bendera SPRM



Merah

Kuning

Hitam

Logo Perisai


- Barisan kekuatan semangat waja pegawai - pegawai SPRM yang mesra rakyat tetapi tegas dalam melaksanakan ASPRM 2009
- Bersemangat waja dan terus mara dalam membanteras segala bentuk jenayah rasuah di Malaysia
- Tidak gentar dan ragu serta serius dalam membanteras jenayah rasuah di Malaysia
- Perisai integriti Pegawai SPRM



Ibu Pejabat pertama BPR

Bangunan ini digunakan sebagai Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah mulai 1967 sehingga 1973.

Kini bangunan ini kekal berdiri sebagai salah satu bangunan warisan di Kuala Lumpur.




Jalan Petaling,
50000 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Ibu pejabat pertama SPRM

terletak di Blok D6, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 1, Putrajaya.





Istiadat Paluan Berundur

24 Ogos 2017
perpindahan Ibu Pejabat SPRM
dari Blok D6, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 1, Putrajaya.



Istiadat Berangkat Masuk

24 Ogos 2017


Kompleks Ibu Pejabat SPRM,
No. 2, Lebuh Wawasan,
Presint 7, Putrajaya.





Majlis Serah Kunci Ibu Pejabat Baharu SPRM





Perasmian Ibu Pejabat SPRM



telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Sekaligus sebagai acara kemuncak Sambutan Ulang Tahun BPR/SPRM ke-50 pada 1 Oktober 2017.



Sesi penerangan ringkas kepada YAB Perdana Menteri

SPRM@7G1, Putrajaya





5 BADAN BEBAS

Pemantau Gerak Kerja SPRM

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah
Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah

Jawatankuasa Aduan

Panel Penilaian Operasi

Panel Perundingan & Pencegahan Rasuah





2

Digeruni Perasuah

komited melaksanakan penguatkuasaan secara bebas, telus dan profesional.



“Corrupt is a question of intention.
If the circumstances show that
what a person has done or has
omitted to do was moved by
evil intention or a guilty mind,
then he is liable...”

HAKIM RAJA AZLAN SHAH

(PP vs Dato' Harun Haji Idris, No. 2 1977 MLJ, m.s 22 dan 23)



Banyak negara dianugerahi rahmat llahi dengan pelbagai sumber kekayaan tetapi kerana rasuah, ada yang terbenam dalam kemelut kemunduran – ada yang tertimbas dalam lumpur kemiskinan. Kekayaan negara disalah guna – hasil mahsul lesap, akibatnya kemunduran terus melanda – kemiskinan terus merebak. Apabila tidak ada kesungguhan untuk membanteras rasuah, ia akan tumbuh melebar – subur membesar, lalu diterima sebagai norma dan akhirnya meresap menjadi budaya, hingga memusnahkan sesbuah negara bangsa.”

**Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak,
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah**
sempena
ulang tahun penubuhan
BPR/SPRM ke-47 pada 1 Oktober 2014
di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.







KEMEWAHAN RASUAH

Rampasan & Sitaan

**RM 115
JUTA**

RM 52.2 juta wang tunai
simpanan bank
barang kemas
beg tangan berjenama
kereta mewah
127 bidang tanah



HASIL SITAAN SPRM

Kereta mewah
Motosikal berkuasa tinggi
Beg tangan berjenama





RASUAH PEMUSNAH ALAM SEKITAR





Isu bauksit

Ops Debu

14

individu ditahan

4

individu didakwa menerima rasuah
daripada pelombong-pelombong
bauksit

Perlombongan haram bauksit membawa
kepada pencemaran udara serta ketirisan
sumber pendapatan masyarakat setempat

6 hingga 27 Januari 2017,
Kuantan, Pahang

Ops BS

15 Mei 2015 - Pengesahan aktiviti penyeludupan rokok dan arak, penyelewengan diesel bersubsidi dan perbuatan mengelak cukai kerajaan.

Operasi ini melibatkan 420 pegawai daripada pelbagai agensi.

51 premis

diserbu

di Tawau, Sandakan, Keningau,
Kota Kinabalu, Labuan dan Semporna

RM 559,486,123

dibeku melibatkan 1,623 akaun

RM1 juta

nilai barang kemas dirampas



Ops Gergaji

12 Mei 2017 - Usaha membanteras kegiatan rasuah, pembalakan dan penebangan hutan secara haram di Sarawak.

SPRM BEKU AKAUN RM650 JUTA PEMBALAK HARAM



SEBAHAGIAN rampasan balak haram yang dilakukan SPRM bersama pihak berkuasa lain di Sibu baru-baru ini.
- GAMBAR IHSAN SPRM

BERITA DI MUKA 4

- SPRM bekukan 375 akaun bernilai RM650 juta dalam Op Gergaji Bersepadu di Sarawak.

- Mereka dipercayai terlibat dengan rasuah dan pembalakan haram.

- Serbuan serentak diadakan di 48 lokasi melibatkan 400 pegawai semalam.

3

Mesra Rakyat

"Kita mahu SPRM dilihat dan didokongi oleh rakyat sebagai agensi rakyat dan aparatus masyarakat. Kita perlu menjadi organisasi yang memahami aspirasi dan keinginan rakyat, serta organisasi yang hampir dan dekat dengan rakyat."

Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad,

Ketua Pesuruhjaya SPRM

Amanat Khas di Majlis Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang SPRM 2017.





PROGRAM
ZIARAHKA
WELTURISME

WELL

MIZUNO



ZIARAH KASIH

menyantuni masyarakat



Rakyat di hati SPRM







FEED THE HOMELESS





*Menyantuni
gelandangan*



NEGARAKU



Tidak mengira etnik

A wide-angle photograph showing a large group of people riding bicycles on a city street. In the foreground, a man wearing a white t-shirt with a colorful graphic and a yellow and black helmet is smiling at the camera while riding a green and black mountain bike. Behind him, another man in a dark blue shirt and helmet is also smiling. The street is lined with trees and buildings, and other cyclists are visible in the background.

17 September 2017

Acara pemula Karnival GERAH

#KLCarFreeMorning



KELANGSUNGAN TN50

Mendidik generasi benci rasuah

30.5%

responden pelajar sanggup terima rasuah sekiranya ada kuasa dan peluang.

Kajian Persepsi Masyarakat Terhadap Rasuah di Malaysia 2002



55%

tangkapan SPRM adalah golongan belia dalam tempoh tiga tahun (2013-2015).

Statistik SPRM 2016



WAR (WIRA ANTI RASUAH)

Program strategik sejak 2014 melahirkan warga GERAH yang baru selain melibatkan pentadbir sekolah, guru dan ibubapa.



PEMARAH (Program Perhimpunan Anak Muda Memerangi Rasuah dan Salah Guna Kuasa)

12 Ogos 2017

Perhimpunan unggul 3000 mahasiswa menjadi landasan utama melahirkan golongan yang akan menolak, membenci dan memerangi rasuah.









Sekretariat Pencegahan Rasuah

20 SPR Universiti
Awam

27 SPR Institusi
Pendidikan Guru

55 SPR Institusi
Pendidikan MARA

2 SPR Universiti
Swasta

4

Keupayaan dan Profesionalisme

WOW!.....Anda luar biasa!





MACA (Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia)

Pusat latihan SPRM yang bertaraf antarabangsa menjadi gedung melahirkan pengamal anti rasuah yang berkualiti.



Perasmian MACA

Disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia ke 5,
YAB Dato' Sri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi



Kursus Asas Pelatih

Pegawai baharu SPRM menjalani latihan asas selama enam bulan di MACA dan enam bulan latihan di tempat kerja (*on-job-training*).





Siap Siagaan

medan pendakwaan





CeLO (Program Pegawai Integriti Bertauliah)

Program ini ditawarkan oleh MACA mulai 2010 dan terbuka kepada pegawai awam dan swasta.

Pegawai CeLO akan mengetuai Unit Integriti di organisasi mereka.





MACC *Toastmaster*



Membudayakan Kepimpinan



5

Di Mata Dunia

Selaku agensi pencegahan rasuah bertaraf antarabangsa, SPRM diberi kepercayaan dalam pelbagai inisiatif antarabangsa termasuk sebagai pakar rujuk amalan terbaik anti rasuah.







Pujian Penilai Antarabangsa

Panel Penilai Antarabangsa (IRP) menilai keberkesanan program transformasi dan inisiatif pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM dan NKRA Membanteras Rasuah.



"Objektif paling utama pencegahan rasuah bukan sahaja untuk membentuk persepsi masyarakat terhadap SPRM, tetapi juga untuk membentuk sikap seseorang itu terhadap rasuah."

Bertrand De Speville,
Mantan Peguam Cara Kanan Hong Kong
& Pesuruhjaya ICAC Hong Kong

"Kami berpendapat SPRM berada pada landasan yang tepat dengan matlamat dan hala tuju yang jelas. Kami amat berpuas hati terhadap SPRM."

Profesor Robert Alan Doig,
Penyelaras Kanan Program,
International Anti-Corruption Academy (IACA)



UNODC iktiraf 23 amalan baik Malaysia

Pematuhan dan inisiatif Malaysia terhadap United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)



"Malaysia antara negara yang berjaya menyelesaikan proses penilaian UNCAC dalam tempoh setahun seperti yang ditetapkan dalam laporan hasil penilaian Implementation Review Group (IRG)."

Shervin Majlessi,
Penasihat Anti Rasuah
Rantau Asia, UNODC

Cel0 Antarabangsa





UNODC

United Nations Office on Drugs and Crime



*Training for Focal Points and Govermental Experts
Participating in the Review Mechanism for UNCAC*

Oktober 2016, MACA



KERJASAMA DUA HALA SPRM - NACC 2017



16th IACC Conference 2015

2-4 September 2015, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)



6th CONFERENCE of STATE PARTIES of IACA

Sheikh El-Sharm, Egypt.

2-4 Oktober 2017



PERSIDANGAN IAACA ke-6

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)
4-7 Oktober 2012





**17th CONFERENCE of
STATE PARTIES of UNCAC**



Lawatan delegasi luar negara

Lawatan kerja dan kunjungan hormat daripada agensi pencegahan rasuah luar negara. SPRM dijadikan tempat rujukan utama dalam pencegahan rasuah.



Memorandum Persefahaman

24 Oktober 2017
SPRM memeterai perjanjian bersama
Nottingham Trent University (NTU),
United Kingdom bagi akreditasi Kursus Asas
Pegawai SPRM. Inisiatif ini merupakan satu
usaha membangunkan kapasiti dan kapabiliti
pegawai SPRM.

6

ERA GERAH

SPRM sentiasa meneroka cara baharu untuk mendidik masyarakat secara lebih berkesan.

Perkara ini amat penting bagi memastikan usaha SPRM kekal relevan dan menepati perkembangan semasa.

Walaupun begitu, kaedah konvensional masih kekal. Elemen kreatif dan inovasi dipertingkatkan dalam setiap program SPRM.

GERAH dilancarkan pada 8 Mei 2017 sebagai pemangkin gelombang perubahan minda masyarakat untuk membenci dan memandang jijik terhadap rasuah dan salah guna kuasa.

Harapan SPRM, dalam tempoh tiga tahun, rakyat Malaysia menghayati prinsip 3J(Jangan Hulur, Jangan Kawtim, Jangan Settle).





Ikrar Bebas Rasuah (IBR)

aku janji kepimpinan dan warga organisasi untuk mencegah rasuah.





Sahabat GERAH

Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah SPRM dilancarkan pada 1 Ogos 2017. Dalam tempoh tiga bulan pertama, seramai lebih 100,000 mendaftar sebagai ahli Sahabat GERAH.







Karnival GERAH 2017







KEMBARA JELAJAH ANTI RASUAH 2017 (KEJAR'17)

Konvoi menjelajah 11 negeri, dua wilayah persekutuan dan 26 lokasi. Konvoi terdiri daripada 40 motosikal berkuasa tinggi, dua bas dan 10 kereta.





Sokongan padu daripada pemimpin dan masyarakat.

MAJLIS SAMBUTAN DAN PELEPASAN PERINGKAT NEGERI PERLIS





BAHARA EMAS



Turut berangkat menyaksikan pementasan, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah





BANTERAS

SEBUAH DRAMA BERDIRI ARAHENI
GHAZ ABU BAKAR

Drama bersiri 'Banteras'

20 Julai 2017

Kerjasama SPRM dan Fantasy Films Sdn. Bhd. dalam penerbitan drama 13 siri yang akan menyelami tugas dan cabaran pegawai SPRM. Banteras diarahkan oleh pengarah prolifik, Ghaz Abu Bakar, pengarah filem *box office*, Polis Evo.

RASUAH ITU BERLAKU APABILA IA MEMUDAHKAN KERJA

#BANTERAS @SIRI-BANTERAS



MACC.fm

Radio streaming agensi penguat kuasa pertama di Malaysia yang dilancarkan pada 9 Disember 2015.



MACC.fm Movers







Mesej Rakyat

Paparan mesej anti rasuah di pengangkutan awam




Mesej Rakyat

Paparan mesej anti rasuah di tempat awam









Majlis Apresiasi

Mengukuhkan jalinan mesra jabatan



HARA (Hari Anti Rasuah Antarabangsa) 9 Oktober











www.sprm.gov.my

ISBN 978-967-5459-17-7

A standard linear barcode is positioned below the ISBN number. The barcode represents the same ISBN: 9789675459177.

9 789675 459177